

# TERAPI PENAGIHAN DADAH BERASASKAN AKIDAH MELALUI MODEL PSIKOSPRITUAL HOLISTIK: KAJIAN KES DI INABAH LABU

## *A CASE STUDY OF FAITH-BASED DRUG ADDICTION THERAPY USING A HOLISTIC PSYCHOSPRITUAL MODEL IN INABAH LABU*

Abdulloh Salaeh <sup>1</sup>  
Syed Najihuddin Syed Hasin <sup>2</sup>  
Mohd Zohdi Mohd <sup>3</sup>  
Maisarah Saidin <sup>4</sup>  
Adnan Mohamed Yusoff <sup>5</sup>  
Mahsor Yahya <sup>6</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia  
(Email: abdulloh@usim.edu.my)

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia  
(Email: syednajihuddin@usim.edu.my)

<sup>3</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia  
(Email: zohdi@usim.edu.my)

<sup>4</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia  
(Email: maisarah@usim.edu.my)

<sup>5</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia  
(Email: adnan@usim.edu.my)

<sup>6</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia  
(Email: drmaya@usim.edu.my)

### Article history

**Received date** : 11-10-2022  
**Revised date** : 12-10-2022  
**Accepted date** : 5-12-2022  
**Published date** : 10-12-2022

### To cite this document:

Salaeh, A., Syed Hasin, S. N., Mohd, M. Z., Saidin, M., Mohamed Yusoff, A., & Yahya, M. (2022). Terapi Penagihan Dadah Berasaskan Akidah Melalui Model Psikospiritual Holistik: Kajian Kes Di Inabah Labu. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(50), 151 - 166.

**Abstrak:** *Saban tahun, statistik menunjukkan kadar peningkatan jumlah penagih dadah adalah membimbangkan. Hal ini menjadi pendorong kepada kerugian besar sesebuah negara. Tidak hanya di negara Malaysia khususnya, kebimbangan ini juga dihadapi oleh setiap negara tidak kira samada negara maju atau mundur. Penyalahgunaan dadah ini merupakan masalah sosial dan menjadi faktor utama kepada kerugian sesebuah negara. Ini kerana, dana negara telah banyak dihabiskan untuk mengekang masalah ini, namun hasil yang didapati tidak mencapai sasaran yang diinginkan. Bagi mengekang masalah ini dari terus berlarutan, aspek akidah dipercayai merupakan komponen terpenting dalam merawat dan memulih masalah ketagihan dadah bagi seseorang individu. Hal ini kerana akidah merupakan kunci utama hubungan dan keyakinan umat Islam kepada Allah SWT. Justeru, artikel ini bertujuan mengenalpasti kaedah pemulihan dadah berasaskan metode Islam yang menggunakan aspek akidah seperti zikir kalimah thaiyibah dan sebagainya. Di samping itu, kajian ini juga mengenal pasti keberkesanan kaedah tersebut dalam pemulihan yang dijalankan. Kajian ini menggunakan kaedah analisa kualitatif berdasarkan hasil pemerhatian dan temubual bersama*

beberapa tenaga pengurusan pusat pemulihan. Dapatan kajian menunjukkan elemen penghayatan akidah iaitu kefahaman, perasaan dan amalan, kepercayaan, pengharapan, pengawasan, konsep balasan, nilai ketaatan, pengawasan, kepatuhan serta pengurusan diri menyumbang kepada daya tahan individu. Oleh yang demikian, elemen-elemen ini hendaklah digunakan dan dilaksana sebagai strategi pencegahan dadah dalam program rawatan dan pemulihan di negara ini.

**Kata kunci:** Terapi, Dadah, Akidah, Remaja

**Abstract:** Statistics reveal that the number of drug users is rising, which is concerning. This is what causes a nation to suffer such a big loss. This issue is not unique to Malaysia; all nations, regardless matter how advanced or developing they are, deal with it. Drug misuse is a societal issue that contributes significantly to a nation's decline. This is due to the fact that despite significant national spending to address this issue, the outcomes obtained fell short of the intended goals. The faith (aqidah) aspect is believed to be the most important component in treating and rehabilitating drug addiction. This is because faith is the main key to the relationship and belief of Muslims to Allah SWT. Therefore, this article aims to identify drug rehabilitation methods based on Islamic methods that use aspects of faith such as zikir kalimah thaiyibah and so on. In addition, this study also identified the effectiveness of such methods in rehabilitation programs conducted. This study uses a qualitative analysis method based on observations and interviews with several rehabilitation center management staff. The findings of this study show that the elements of appreciation of faith, namely understanding, feelings and practices, beliefs, expectations, supervision, the concept of reward, the value of obedience, supervision, compliance and self -management are contribute to individual resilience. Therefore, these elements should be used and strengthened as drug prevention strategies in treatment and rehabilitation programs in the country.

**Keywords:** Therapy, Drugs, Faith, Adolescence

---

## Pendahuluan

Setiap agama menganggap dadah lebih banyak membawa keburukan berbanding kebaikan, namun kes penyalahgunaan dadah mencatatkan peningkatan saban tahun terutama di Malaysia. Justeru, jalan penyelesaian yang berkesan dan mampan perlulah dirangka bagi memastikan masalah penyalahgunaan dadah ini dapat ditangani dan oleh semua pihak umumnya. Penyalahgunaan dadah merupakan masalah sosial yang dihadapi oleh seantero dunia dan masalah ini dilihat sebagai masalah sejagat yang perlu diberi perhatian. (Idris, Shaffie, & Mariamdaran, 2020).

Berdasarkan kajian sains yang dijalankan menunjukkan terdapat bukti yang menunjukkan bahawa masalah penagihan dadah ini dapat dirawat. Walaubagaimanapun masih terdapat kepincangan dari segi kaedah rawatan pemulihan, hal ini dapat dilihat dari statistik penagih yang kembali ke tabiat lama walaupun telah mendapat rawatan yang sewajarnya. (Malaysia, 2021) Justeru, Ini membuktikan masih ada kekurangan dalam rawatan pemulihan dadah yang sedia ada

Daripada Anas bin Malik RA, Nabi SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ حَيْثُ خَلَقَ الدَّاءَ، خَلَقَ الدَّوَاءَ، فَتَدَاوُوا

**Maksudnya:**

*Sesungguhnya ketika Allah menciptakan penyakit, diciptakan juga penawar. Maka berubatlah kamu” (Ahmad Bin Muhamd Ibnu Hambal, 1998. Hd 12624, h 156).*

Berdasarkan hadis di atas dapat difahami bahawa setiap penyakit itu pasti ada ubatnya. (Baba, Wan Sulaiman, Ibrahim, & Sarnon @ Kusenin, 2018) berpendapat latar belakang setiap penagih perlu dikaji iaitu dari segi sejarah penagihan dan profil peribadi penagih. Hal ini dapat membentuk profil psikologi penagih dari berulang. Usaha untuk membantu para penagih perlulah sentiasa ditambah baik dari masa ke semasa. Inisiatif untuk membantu para penagih dari aspek akidah dilihat mampu memberi kesan secara mendalam. Tambahan pula, pemulihan berbentuk rohani adalah jalan terbaik untuk merawat penyakit penagihan dadah kerana ia dapat mewujudkan jati diri kepada setiap individu dari segi keimanan dan keyakinan serta perasaan takut kepada Allah SWT untuk memilih jalan maksiat.

**Faktor-faktor menyebabkan penagihan dadah**

Setelah dikaji, terdapat beberapa faktor yang menjadi penyumbang utama kepada masalah penagihan dadah dalam kalangan masyarakat. Rajah 1 menunjukkan faktor yang menyebabkan seseorang individu boleh terjebak dengan najis dadah:

**Rajah 1: Faktor Yang Menyebabkan Penagihan Dadah**

**FAKTOR YANG MENYERBARKAN PENAGIHAN DADAH**

**Tekanan hidup:** Akibat dari tekanan hidup yang dihadapi berkaitan dengan hal peribadi, keluarga dan kerja, kebanyakan individu mengalami depressi dan kemurungan. Mereka mengambil jalan mudah untuk meredakan tekanan dengan mencuba dadah. Dadah boleh memberikan ketenangan kepada penagihnya dalam jangka masa pendek. Apabila emosi mereka kembali ke asal mereka akan bergantung kepada dadah. Akibat dari itu, mereka mengalami ketagihan.

**Sifat ingin tahu:** Hal ini selalu terjadi dalam kalangan remaja. Justeru, semua pihak perlu berganding bahu memberikan pendedahan kepada anak muda khususnya remaja berkenaan kesan-kesan negatif akibat dari pengambilan dadah. Penyalahgunaan dadah boleh menyebabkan kesan kepada kesihatan dalam jangka masa pendek dan panjang malah lebih malang lagi boleh menyebabkan kematian (Aslam & Deng 2020)

**Normalisasi rakan sebaya:** Menurut teori ‘Keakuran’ atau *Conformity*, seseorang itu melakukan sesuatu perkara untuk diterima oleh kelompok majoriti yang berada di sekeliling mereka. Selain itu ianya dilakukan demi menjaga norma agar tidak melukakan hati kelompok terbabit dengan harapan agar terus diterima oleh ahli-ahli di dalam kumpulan tersebut. Pengecualian terhadap sesuatu tindakan itu dianggap seperti memalukan diri sendiri. Kerana itulah mereka menurut kehendak dan pegangan keseluruhan ahli yang terbabit.

**Kurang pegangan agama:** Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Mohamad Hilmi Mat Said (2020, h 40) terdapat beberapa faktor telah dikenalpasti sebagai punca individu tersebut terlibat dengan dadah. Antara faktor tersebut adalah faktor tahap pengamalan agama OKP itu sendiri dalam kehidupannya, faktor keluarga yang menyumbang kepada sokongan atau penolakan kepada OKP ini, persekitaran sosial dan sebagainya.

Dadah juga di sebut dalam hadith Sabda Rasulullah SAW:

كُلُّ مُسْكِرٍ حَمْرٌ، وَكُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ

**Maksudnya:**

*Setiap yang memabukkan itu khamr dan setiap yang memabukkan itu haram.*

(Muslim, Kitab al-Ashribah, Bab Bayan Anna Kulli Muskir Khamr, no. 2003)

Berdasarkan hadis ini, “setiap yang memabukkan itu haram” maka setiap yang memabukkan sama ada dengan cara minuman atau lainnya adalah haram. Oleh itu, pengambilan dadah akan menyebabkan individu tersebut berasa khayal. Maka ianya sama seperti meminum arak kerana berkhayal serta mempunyai kesan ketagihan dan setiap yang berpotensi menghilangkan fungsi akal adalah haram biarpun ia tidak menyebabkan khayal dan halusinasi. Islam juga menegaskan dan mementingkan kesejahteraan dalam segenap aspek. Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Said al-Khudri RA:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

**Maksudnya:**

*Tidak memudaratkan dan tidak mendatangkan mudarat*

(Sulaiman Ahmad, 1983, h 86. No. 1388, Hasan)

Selain itu, kesan pengambilan dadah juga boleh mengancam keselamatan individu dan komuniti. Dalam membicarakan tentang ancaman keselamatan individu dan komuniti disebabkan dadah, kesejahteraan kehidupan masyarakat perlu dititikberatkan. Terdapat pelbagai jenayah yang disebabkan oleh masalah penyalahgunaan dadah seperti merompak, merogol dan seumpamanya. Pendekatan menangani dadah melalui kaedah pencegahan dilihat sebagai salah satu cara yang bertepatan dengan strategi utama negara dalam memerangi dadah. Ini kerana, pencegahan merupakan langkah yang efektif kerana ia menyasarkan kepada punca dengan menghentikannya. (Wazir, et al., 2020)

**Rajah 2: Langkah Yang Boleh Diambil Untuk Meninggalkan Dadah**

**Langkah Yang Boleh Diambil Untuk Meninggalkan Dadah**

Niat dan Beriltizam: Penagih haruslah sentiasa memperbaharui Niat atau azam setiap hari supaya mereka tidak lupa akan tujuan mereka adalah untuk melepaskan diri dari penagihan dadah. Memperbaharui niat pada setiap hari akan menguatkan semangat mereka untuk berubah, tidak lupa akan tujuan mereka, tidak mudah lalai, dan akhirnya mampu untuk meninggalkan dadah. Di dalam Hadith, Nabi SAW bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ أَمْرٍ مَا نَوَى

**Bermaksud:**

*Sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat dan sesungguhnya setiap orang yang mengikut apa yang dia niat*

*Riwayat Bukhari (1) dan Muslim (1907)*

Niat untuk berhijrah ke arah yang lebih baik tidak kurang kepentingannya, supaya dapat memperbaiki kehidupan kita dan pada masa yang sama dapat meraih ganjaran dari Allah swt (Syarah Hadith 40 Imam Al-Nawawi & Tatmim Al-Kafi 2019).

Akur dan Bertaubat: Penagih perlulah akur dengan kesalahan mereka dan mengakui bahawa dadah adalah haram disisi Islam serta membawa kesan buruk kepada mereka, Perkara pertama yang harus dilakukan ialah akur dengan kesalahan mereka, akur bahawa dadah adalah haram di sisi Islam dan ia membawa kepada kesan-kesan negatif yang lain. Seterusnya berazam untuk berubah ke arah yang lebih baik dan menyesali perbuatan lalu. Firman Allah swt:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ

**Bermaksud:**

*Sesungguhnya Allah tidak akan Mengubah keadaan suatu kaum sebelum mereka mengubah keadaan diri mereka sendiri.*

*Surah Ar-Ra'd, Ayat 11*

Kemudian bombing mereka untuk bertaubat, kembali kepada jalan Allah swt. Jika individu tidak mampu untuk meninggalkan dadah secara sepenuhnya atas sebab-sebab tertentu, mungkin akan menyebabkan keadaan yang lebih teruk. Maka sebaiknya adalah untuk meninggalkan dadah secara berperingkat. Sebagaimana firman Allah di dalam Al-Quran 'an:

وَأَسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ ۚ إِنَّ رَبِّي رَحِيمٌ وَدُودٌ

**Bermaksud:**

*Dan mohonlah ampunan kepada Tuhan-Mu, kemudian bertobatlah kepadaNya. Sungguh, Tuhan-ku Maha Penyanyang, Maha Pengasih*

*Surah Hud, Ayat 90*

Penagih haruslah sentiasa memperbaharui Niat atau azam setiap hari supaya mereka tidak lupa akan tujuan mereka adalah untuk melepaskan diri dari penagihan dadah. Memperbaharui niat pada setiap hari akan menguatkan semangat mereka untuk berubah, tidak lupa akan tujuan mereka, tidak mudah lalai, dan akhirnya mampu untuk meninggalkan dadah. Di dalam Hadith, Nabi SAW bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَىٰ

**Bermaksud:**

*Sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat dan sesungguhnya setiap orang yang mengikut apa yang dia niat*

*Riwayat Bukhari (1) dan Muslim (1907)*

Niat untuk berhijrah ke arah yang lebih baik tidak kurang kepentingannya, supaya dapat memperbaiki kehidupan kita dan pada masa yang sama dapat meraih ganjaran dari Allah swt (Syarah Hadith 40 Imam Al-Nawawi & Tatmim Al-Kafi 2019).

## Latar belakang pusat rawatan penagih dadah serta pusat – pusat pemulihan di Malaysia dan pendekatannya

### Pondok Inabah Remaja 1 Malaysia.

Pondok Remaja Inabah merupakan sebuah institusi untuk aktiviti Tarikat Qadiriyyah Naqsyabandiyyah yang berpangkalan di Pondok Pesantren Suryalaya, Indonesia. Terdapat tiga cawangan di Malaysia, iaitu di Kuala Nerang (Jabal Suf, Kg Paya Mukim Padang Temak 06300 Kuala Nerang, Kedah Darul Aman), Terengganu, dan Sabah.

Pondok Remaja Inabah Kuala Nerang, Kedah diterajui oleh Pak Guru Hj. Mohd Zuki Assyuja' b. Shafie yang mula ditubuhkan pada tahun 1980 bertempat di rumah beliu sendiri kg. Pulau Bidin, Langgar, Alor Star, Kedah. Kemudian pada tahun 1996 berpindah ke Kg. Paya, Mukim Padang Temak, Kuala Nerang, Kedah.

Pada tahun 1991 menjadi Pusat Lanjutan PEMADAM Kebangsaan dan mendapat pengiktirafan sebagai Pusat Pemulihan Dadah Persendirian daripada Agensi AntiDadah Kebangsaan pada tahun 1998.

### **Pondok Remaja Inabah II terletak di Kuala Terengganu.**

Pondok Inabah di Terengganu pada mulanya beroperasi secara kecil-kecilan di Surau Cerong Lanjut, di kota Kuala Terengganu, yang merupakan cabang Suryalaya Pesantren, Jawa Barat, Indonesia. Ia merupakan pusat rawatan dan pemulihan penagih dadah serta bagi mereka yang menderita penyakit mental (amnesia) melalui pendekatan Islam umum dan khusus menggunakan pendekatan Tasawwuf untuk Program Inabah Belia II (PRI II) yang terletak di Desa Sungai Ikan, Kuala Terengganu di bawah seliaan Ustaz Hj. Mohd Othman bin Abdul Latif sebagai wakil talqin Abah Anom. Namun, pada tahun 1990 ia bertukar lokasi ke Desa Sungai Ikan, Gemuruh, Kuala Nerus, Terengganu yang terletak 25 kilometres dari kota Kuala Terengganu. Ia dibina di kawasan seluas lebih kurang 10 ekar Ketika Ustaz Hj. Mohd Othman meninggal dunia, Inabah diambil alih oleh isteri dan anak-anaknya sehingga sekarang (Ali Puteh, Abdul Ghani, & Mamat, 2013)

### **Pondok Remaja Inabah Negeri Sembilan**

Di Labu Negeri Sembilan pula, pondok Inabah terletak di Lama Batu 8, Kampung Masjid, 71800 Labu, Negeri Sembilan, Malaysia di bawah seliaan al Fadhil ustaz Haji Shaifudin. Pada awalnya ia dinamakan Pondok Inabah Seremban namun kemudiannya bertukar kepada Pondok Inabah Labu dan mula ditubuhkan pada tahun 2013.

Pusat-pusat inabah ini beroperasi secara sah dari segi undang-undang di mana ia bernaung di bawah PEMADAM. Sehingga kini Inabah telah berjaya memulihkan sejumlah penagih-penagih dadah dan juga muda-mudi yang bermasalah untuk membaiki diri dan seterusnya kembali semula ke pangkuan masyarakat (Izwa, 2021).



**Gambar 1: Pondok Inabah Negeri Sembilan**



**Gambar 2: Muhamd Izwa Staff di pondok inabah**


### **Model Atau Kaedah Psiko Spiritual Yang Dilaksanakan Secara Umum Berdasarkan Perspektif Akidah**

Menurut (Wazir, et al., 2020) dalam kajiannya menyatakan bahawa pengaruh akidah terhadap perubahan seluruh aspek kehidupan masyarakat Melayu tidak dapat dinafikan berasal dari aliran Ahli Sunah Waljamaah. Sistem pendidikan Islam yang sebegini perlu ditekankan, tetapi terdapat beberapa cabaran yang menggugat keutuhan akidah Islam di Malaysia. Cabaran tersebut adalah sama ada dalam bentuk dalaman ataupun luaran yang menyentuh aspek pemikiran dan penghayatan akidah.

Didalam bab ini terdapat pelbagai kajian yang membincangkan faktor pelindung seseorang terhadap penagihan dadah. Antara yang sering dibincangkan ialah aspek daya tahan seseorang. Daya tahan merupakan suatu kekuatan dalaman seseorang individu yang boleh membantu mereka untuk mengharungi kehidupan secara positif.

Oleh itu penghayatan akidah berkait rapat dengan penghayatan agama kerana akidah merupakan tiang agama (Wazir, et al., 2020). Komponen utama untuk memastikan keberhasilan dalam perawatan penagih dadah ini ialah akidah (Iman) Ibadah (Islam) Akhlaq (Ihsan) (Amri, 2019). Rajah 3 menunjukkan lima method atau kaedah yang digunakan dalam rawatan ini.

**Rajah 3: Model Atau Kaedah Psiko Spiritual Yang Dilaksanakan Secara Umum Berdasarkan Perspektif Akidah**



### **Mandi Taubat atau Hidroterapi**

Mandi taubat ini dilakukan pada waktu tengah malam atau sebelum subuh. Demikian juga ia dilakukan setiap kali sebelum mendirikan solat waktu. Mandi sebelum subuh itu menjadikan badan kita sihat segar dan menghilangkan tekanan dan depresi. Maka Mandi taubat ini mengandungi manfaat psikologi iaitu ia merupakan ekspresi dari keinginan untuk membersihkan diri dari dosa anggota tubuh secara keseluruhan. Di samping itu ia juga mempunyai manfaat terapeutik terhadap penyakit atau gangguan biologis (fizikal) yang bersifat psikosomatik. Selain itu ia juga dilihat sebagai hidroterapi. Menurut penelitian pakar, mandi di waktu tengah malam dalam keadaan kesejukan ini menjadikan pembuluh darah di bahagian permukaan mengecut atau mengecil sehingga darah berjalan laju dan mengalir dengan lebih banyak ke bahagian otak dan bahagian dalaman tubuh badan. Ia menjadi hidroterapi yang sangat efektif, menyegarkan jiwa raga yang pernah terseksa dengan racun dadah dan sebagainya. Tujuan mandi taubat ini dibuat adalah kerana mengikut kajian secara biologinya, apabila seseorang itu memasukkan terlalu banyak bahan kimia di dalam tubuhnya akan mematikan rerambut sel yang terdapat di dalam badan seterusnya menyebabkan tahap fizikal dan mental menjadi lemah. Oleh itu, mandi taubat ini dibuat bertujuan untuk menyuburkan kembali rerambut sel tersebut dengan lebih cepat sekaligus meningkatkan kembali kekuatan fizikal dan mental penagih. Firman Allah SWT:

وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

#### **Maksudnya:**

*Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.*

*(Surah Tahrir Ayat 8)*

Mandi taubat ini dilakukan selama 40 hari berturut-turut tanpa henti. Sekiranya terhenti, mandi taubat tersebut akan bermula dengan kosong kembali. Syarat mandi taubat ini ialah 40 gayong air dengan 40 kali bacaan doa ayat Al-Mukminun ayat 29. Dan ketika proses mandi taubah itu di lakukan peserta haruslah membaca:

رَبِّ أَنْزِلْنِي مُنْزَلًا مُبَارَكًا وَأَنْتَ خَيْرُ الْمُنْزِلِينَ

**Maksudnya:**

*Dan berdoalah, "Ya Tuhanku, tempatkanlah aku pada tempat yang diberkati, dan Engkau adalah sebaik-baik pemberi tempat<sup>1</sup>*

*(Surah Al Mukminun Ayat 29).*

Menurut pendekatan Inabah, orang-orang yang terlibat dengan penagihan dadah berada dalam keadaan mabuk dan mereka perlu disedarkan dulu dengan cara mandi. Dari perspektif ilmu tasawuf, kelalaian dan kemabukan itu dihukumkan sebagai berjunub. Sebagaimana junub itu terangkat dengan mandi, maka demikian pula kelalaian dan kemabukan itu terhapus dengan mandi. Pendekatan mandi ini adalah berasaskan kepada pertunjuk yang terdapat dalam firman Allah s.w.t.

وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا

**Maksudnya:**

*Sekiranya Kamu Berjunub Maka Bersucilah (Mandilah).*

*( Surah Al Maidah Ayat 6)*

Juga berasaskan kepada firman Allah:

إِذْ يُغَشِّيكُمُ النُّعَاسَ أَمَنَةً مِّنْهُ وَيُنزِلُ عَلَيْكُمْ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً لِّيُطَهِّرَكُم بِهِ وَيُذْهِبَ عَنْكُمْ رِجْزَ الشَّيْطَانِ وَلِيَرْبِطَ عَلَى قُلُوبِكُمْ وَيُثَبِّتَ بِهِ الْأَقْدَامَ

**Maksudnya:**

*Ingatlah Ketika Allah menjadikan kamu mengantuk sebagai suatu penenteraman dariNya dan Allah menurunkan kepada kamu hujan dari langit untuk mensucikan kamu dengan air hujan itu dan menghilangkan dari kamu kotoran (gangguan) syaitan dan untuk menguatkan hati kamu dan memperteguhkan dengannya tapak kaki (pendirian) kamu.*

*(Surat-Al-Anfal-Ayat-11)*

<sup>1</sup> Dalam kitab (Ad-Dau' al-Lami fi A'yan al-Qarn at-Tasi bagi al-Sakhawi, T.T.) " bahwa ibnu rusalan ketika dikebumikan bahawa terdengar suara dari liang lahat dengan katanya ' رَبِّ أَنْزِلْنِي مُنْزَلًا مُبَارَكًا وَأَنْتَ خَيْرُ الْمُنْزِلِينَ ' . maka inilah tanda ahli atau hamba haba Allah SWT yang telah sampai keyakinan dan makam yang tinggi sehingga Allah menzahirkan perkara perkara yang ijaib di atas dunia lagi, ini adalah kurnia daripada Allah yang maha pemurahnya. ( Juz 1, h 184. Muhammad bin Ali bin Muhammad bin Abdullah Asy-Syaukani, T.T, Al-Badru ath-Thali' bi Mahasin man ba'da, Juz 1, h 46).

Falsafah mandi ini ialah sebagai usaha untuk membersihkan diri (tahirah) zahir dan batin iaitu bersih badan dan jiwa. Dari segi praktikalnya, mandi taubat ini dilakukan dengan niat bertaubat atau menghilangkan dosa seluruh anggota tubuh mulai hujung rambut sampai hujung kaki. Caranya ialah dengan mengalirkan air ke seluruh permukaan tubuh dari atas ke bawah.

### **Menekankan Kewajipan Solat 5 Waktu & Berpuasa**

Selain menekankan kewajipan solat lima waktu, pusat ini juga menekankan solat sunat lain antaranya solat sunat Qiammulail, solat sunat Taubat, solat sunat Tasbih, solat sunat Tahajud, solat sunat hajat, solat sunat Dhuha, solat sunat Ba'diah maghrib dan solat sunat Mutlak.

- Qiyam al-Lail berhubung dengan percaya pada hari pembalasan

Qiyam al-lail merupakan amalan yang paling penting dalam proses pemulihan menerusi method Inabah. Pengisian bagi Qiyam al-lail ini ialah dengan mempraktikkan mandi taubat, solat sunat dan juga zikir. Praktik Qiyam al-lail ini adalah merujuk kepada firman Allah SWT.

وَمِنَ اللَّيْلِ فَتَهَجَّدْ بِهِ نَافِلَةً لَكَ عَسَىٰ أَنْ يَبْعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامًا مَّحْمُودًا

#### **Maksudnya:**

*dan pada sebahagian malam bersembahyang tahajjudlah kamu sebagai satu ibadah tambahan mudahan Tuhanmu mengangkatmu ke tempat terpuji.*

*(Surah Al-Isra Ayat 79)*

Qiyam al-lail ini mempunyai elemen tazkiyat al-nafs yang sangat tinggi. Ini merujuk kepada bangun di waktu malam adalah lebih tepat dan bacaan di waktu itu lebih berkesan.

Terdapat seorang pesakit yang sedang dirawat di hospital pada ketika itu jatuh sakit secara tiba-tiba cuba mendirikan solat tahajud dengan sekadar mampu dilakukan, maka didapati bahawa keistimewaan solat tahajud dapat menyembuhkan penyakit (Purbawanti, 2018).

Menerusi method Inabah, peserta dikehendaki bangun seawal jam 3 atau 4 pagi lalu melakukan mandi taubat. Setelah selesai peserta dikehendaki melakukan beberapa rakaat solat sunat iaitu (solat tahjud) seperti yang telah ditetapkan sehinggalah sampai waktu subuh. Perkara ini dilaksanakan pada tiap-tiap malam sepanjang tempoh pemulihan. Maka dengan sebab mengerjakan Qiyam al lail ini dapat menambah keyakinan tentang balasan hari akhirat atau hari balasan yang mana di sebut dalam rukun iman yang enam ialah beriman kepada qada dan qadar. Sabda Rasulullah SAW:

أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ ، وَكُتُبِهِ ، وَرُسُلِهِ ، وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ، وَبِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ

#### **Maksudnya:**

*Engkau Beriman Kepada Allah Subhanuhu Wa Ta'ala, Malaikat-Nya, Kitab-Nya, Rasul-Nya, Hari Akhir, Dan Supaya Engkau Beriman Kepada Takdir Baik Dan Buruk*

*(Imam Ahmad, h 323, No 192)*

Dapat disimpulkan bahawa Qiyam al-lail ini mempunyai hubungan rapat dengan akidah iaitu beriman kepada qada dan qadar (Takdir Baik Dan Buruk). Maka dengan ini dapat menenangkan hati peserta daripada mengulangi kesilapan lalu, dan apabila hati tenang serta tidak ada gangguan maka selamatlah manusia itu dari segala bisikan jahat

Puasa juga merupakan satu amalan yang dilaksanakan dalam proses pemulihan menerusi method inabah. Puasa mempunyai elemen tazkiyat al-nafs yang tinggi. Ini merujuk kepada hadis Nabi SAW

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ  
فَإِنَّهُ لَهُ وَجَاءٌ

**Maksudnya:**

*Wahai sekalian pemuda! Siapa di antara kamu yang mampu berkahwin maka hendaklah ia menikah, karena hal itu lebih menjaga pandangan dan lebih memelihara syahwat (kemaluan). Namun, siapa yang belum sanggup (menikah), maka hendaklah ia berpuasa karena itu memutuskan (syahwat).*

*(Imam Muslim, h 1018, No 1400)*

Menerusi method inabah, puasa tidaklah diwajibkan ke atas seseorang peserta. Walau bagaimanapun ia sangat digalakkan terutama bagi mereka yang sudah memperolehi kesedaran jiwa dan keyakinan terhadap Allah SWT sepenuhnya. Para peserta digalakkan melakukan puasa Isnin Khamis, puasa kifarfat (tiga hari setiap bulan) dan puasa baydh (awal bulan, tiga hari di pertengahan bulan dan akhir bulan).

Jelas dari hadis diatas bahawa dengan melakukan amalan berpuasa dapat menambah yakin dalam rohani seseorang sehingga menjadikan anggota zahir dapat menahan dari melakukan perkara maksiat seperti makan atau minum yang membawa kepada hilangnya akal fikiran seseorang. Apabila bersih diantara anggota zahir dan batin maka penagih itu menjadi seorang yang dihargai oleh syarak dan masyarakat, tidak kira dalam keadaan apa sekalipun ia sentiasa sedar dan tidak akan kembali terjerumus ke dalam masalah penagihan dadah lagi. Maka dengan hal inilah ia menjadi yakin kepada Allah dan malaikatnya sebagaimana firman Allah SWT:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالإِنسِ لَهُمْ قُلُوبٌ لَا يَفْقَهُونَ بِهَا وَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبْصِرُونَ  
بِهَا وَهُمْ آذَانٌ لَا يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَئِكَ كَانُوا لِنِعْمِ رَبِّهِمْ أَضَلُّ أُولَئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ

**Maksudnya:**

*Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari kalangan jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat atau berfikir dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang yang lalai.*

*(Surah al-A'raaf, ayat 179)*

Kita telah maklum bahawa ibadah yang dilakukan oleh seorang hamba tidak terlepas dari dasar akidah. Ini kerana, akidah di dalam agama laksana tiang bagi sesebuah bangunan. Tanpa akidah, maka ibadah akan lenyap dan runtuh begitu saja, walaupun nampak hebat.

Manakala ibadah puasa, apabila kita lihat hikmah daripada ibadah puasa, iaitu membentuk peribadi yang bertaqwa. Ini kerana sesungguhnya ketakwaan itu merupakan perpaduan antara amal zahir dan amal batin. Oleh sebab itu, Thalq bin Habib rahimahullah menafsirkan takwa,

الْعَمَلُ بِطَاعَةِ اللَّهِ، عَلَى نُورٍ مِنَ اللَّهِ، رَجَاءَ ثَوَابِ اللَّهِ، وَتَرْكِ مَعَاصِي اللَّهِ، عَلَى نُورٍ مِنَ اللَّهِ، مَخَافَةَ عَذَابِ اللَّهِ

**Maksudnya:**

Melaksanakan ketaatan kepada Allah di atas cahaya dari Allah seraya mengharap pahala Allah. Meninggalkan maksiat kepada Allah di atas cahaya dari Allah seraya merasa takut akan hukuman Allah.

(Saleh Abdullah, T.T, j 2, h 411).

Dan Ibnu Ruslan rahimahullah menafsirkan keyakinan:

أول واجب على الإنسان ... معرفة الإله باستيقان

**Maksudnya:**

Hal yang pertama diwajibkan atas manusia adalah mengetahui tentang Tuhan dengan meyakinkannya.

(Ibnu Ruslan, Safwatul az Zubabd, h33).

**Zikir**

Zikir yang diamalkan di pusat ini ialah berdasarkan amalan tarikat Qadiriyyah dan juga tarikat Naqsyabandiyyah yang merupakan tarikat yang dikenali penggunaannya. Selain itu, penggunaan tarikat ini digunakan secara meluas di Malaysia. Pihak pemuliharaan ini beranggapan selain solat, zikir juga merupakan salah satu makanan jiwa yang perlu ditekankan penggunaannya sejak kecil oleh ibu bapa dan dapat mengubati hati.

Zikir jahr ialah zikir kalimah tauhid yang diucapkan dengan lidah dengan syarat dan kaifiyyat tertentu.

**Zikir kalimah tauhid ialah:**

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ

**Maksudnya:**

Tiada Tuhan Melainkan Allah; Muhammad Itu Pesuruh Allah.

(Sulaiman ibn Ahmad At-Tabarani.1983, h 76 No 11093)

Rasulullah Saw. bersabda:

مَنْ كَانَ آخِرُ كَلَامِهِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ دَخَلَ الْجَنَّةَ

**Maksudnya:**

Barangsiapa yang akhir katanya lailaha illah, maka dia akan masuk syurga  
(Abu Daud Sulayman ibn Ash`ath al-Azadi.h 159. No 3118)

Hal yang demikian menjadikan setengah daripada ahli psikoterapi atau terapi Islam yang bermaksud merawat penyakit mental, spiritual, moral, fizikal berdasarkan metode-metode yang digariskan oleh Islam yang diperoleh daripada al- Quran, al-Sunnah, orang soleh dan ilmu pengetahuan Islam. Ia juga merupakan satu terminologi yang menunjukkan aspek praktikal atau aplikasi daripada psikologi spiritual Islam. Antara kaedah psikologi bagi meningkat kepercayaan dan keyakinan diri pesakit adalah dengan kaedah pemulihan kekuatan jiwa pesakit, rawatan ini dilihat dapat memberi kesan kepada proses penyembuhan secara berterusan (Mokhtar & Mohd Noor, 2021).

Zikir zikir ini bukan hanya diucapkan, malah ditanamkan dalam diri manusia sehingga keyakinannya menjadi kuat dan perilaku serta amalannya menjadi baik. Menerusi pendekatan inabah, zikir kalimah tauhid ini diamalkan setiap kali selepas solat fardu lebih kurang sebanyak 165 kali. Praktik menanam kalimat tauhid ini berasaskan kepada pertunjuk yang terdapat dalam firman Allah s.w.t.

أَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ  
تُؤْتِي أُكْلَهَا كُلَّ حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ وَمَثَلُ كَلِمَةٍ  
خَبِيثَةٍ كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ اجْتُثَّتْ مِنْ فَوْقِ الْأَرْضِ مَا لَهَا مِنْ قَرَارٍ

**Maksudnya:**

*Tidakkah kamu perhatikan bagaimana Allah telah membuat perumpamaan kalimat yang baik seumpama pohon yang baik, tunjangnya teguh dan cabangnya sampai ke langit (menjulung tinggi), ia membuahkannya setiap ketika dengan izin Tuhannya, dan Allah membuat perumpamaan-perumpamaan bagi manusia supaya mereka selalu ingat”.*

(Surah Ibrahim Ayat 24-26)

Ia juga berasaskan kepada hadis Nabi s.a.w.

الإِيمَانُ بِضْعٌ وَسَبْعُونَ أَوْ بِضْعٌ وَسِتُّونَ شُعْبَةً فَأَفْضَلُهَا قَوْلُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

**Maksudnya:**

*Iman itu mempunyai 70 lebih atau 60 lebih cabang iman. Yang paling afdhalnya ialah ucapan “لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ” .*

(Muslim ibn al-Hajjaj, h 46 no 162).

Sabda Nabi SAW.

وَاللَّهِ إِنِّي لَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ فِي الْيَوْمِ أَكْثَرَ مِنْ سَبْعِينَ مَرَّةً

**Ertinya:**

*Demi Allah, sesungguhnya aku beristighfar kepada Allah dan memohon ampun kepada-Nya setiap hari lebih daripada 70 kali.*

(Muhamad Ismail Ibrahim al mungirah Al Bukhari, 1987. No 6307. H83).

Kalimah tauhid yang juga disebut sebagai kalimah tayyibah dapat menyucikan diri seseorang itu daripada syirik jali sebagaimana ia dapat membersihkan jiwa seseorang itu daripada syirik khafi serta menjadikannya ikhlas dan murni. Begitu juga kalimah ini dapat membuang hijab-hijab hati yang berkait dengan kebendaan serta membersihkan jiwa daripada segala kekotoran dan sifat-sifat yang tidak baik.

Apabila kita melakukan zikir ini maka bertambah keyakinan kita dengan Allah SWT. Maka pencapaian ini akan memperkukuhkan keimanan seterusnya menjadi benteng yang dapat memelihara diri dari perkara yang tidak baik. Terdapat dua method yang digunakan oleh inabah iaitu zikir jahr dan zikir khafi.


**Menghadiri Majlis Ilmu**

Perkara yang keempat ialah menghadiri majlis ilmu. Selain daripada itu, peserta di institusi ini juga diberikan ceramah-ceramah agama dan kuliah daripada peserta yang lebih senior.

**Khidmat Bakti Atau Aktiviti Sosial**

Pendekatan terakhir yang digunakan oleh keseluruhan pusat Inabah melalui khidmat bakti atau aktiviti sosial ( <http://sitiaminahsidek.blogspot.com> 2021).

**Rajah 4: Rawatan Yang Di Lakukan Dan Hubungannya Dengan Akidah**



## Kesimpulan

Hasil dari kajian diatas mendapati bahawa secara umumnya kaedah rawatan melalui pendekatan Tarikat yang berasaskan aspek akidah ini dijalankan secara berperingkat. Setiap mereka yang mula mendaftar di sini akan menjalani beberapa kaedah rawatan utama iaitu pertama mandi Taubat, kedua Zikir, seterusnya Qiyamullail dan uasa. Di pusat ini, mereka sangat menekankan konsep pembinaan serta bimbingan rohani dan jasmani, Ma'rifatullah (mengenal Allah), dan Taubat. Tambahan pula pengisian dalam rawatan dan pemulihan terdiri dari Talqin dan Bai'h (janji), Zikir, Solat (Fardhu dan Sunat), (Muhammad Izwa. 25, 2021). Kesemua perkara ini melahirkan elemen-elemen akidah yang berkaitan dengan kefahaman, perasaan dan amalan, kepercayaan, pengharapan, pengawasan, konsep balasan. Menjadi Islam bukan cukup sekadar percaya, namun bagi memastikan 'percaya' itu memberi kesan dalam kehidupan harian maka perlu kepada iman yang berada pada tahap yakin yang sebenar yakni tahap (hakku yakin الحق اليقين). Hasil daripada keimanan serta kepercayaan pada tahap yakin akan menghalang seseorang daripada melakukan kejahatan mahupun kemaksiatan. Dan Seseorang itu bukan sekadar tahu Allah Maha Melihat, tetapi tahu dan yakin dan rasa yang Allah Maha Melihat.

## Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian daripada dapatan kajian yang sedang dijalankan di bawah penyelidikan yang telah diluluskan dan dibiayai oleh Grant USIM di bawah Research Grant kod penyelidikan:(PPPI/UGC\_0119/FPQS/051000/12119). Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan juga kepada Universiti Sains Islam Malaysia yang sentiasa telah membiayai penyelidikan ini dan juga memberikan sokongan dan galakan dalam usaha menyempurnakan penyelidikan ini.

## Rujukan

- Ali Puteh, D. H., Abdul Ghani, N., & Mamat, I. (2013). Drug Addict Treatment and Rehabilitation Programme at Pondok Inabah, Kuala Terengganu. *British Journal of Social Sciences The Menace of Corruption*.
- Amri, S. (2019). 50 Model of Psycho Spiritual Therapy used on al-Quran and Hadith in The Treatment of Drug Addiction. *Pocceeding of The International Conference on Quran as Foundation of Civilisation (SWAT2019)*, 205.
- Aslam, M. S., & Deng, R. (2020). Analysis of the effectiveness of drug awareness campaigns using google trends. *Current trends in biotechnology and pharmacy*, 181-187.
- Baba, H., Wan Sulaiman, W., Ibrahim, F., & Sarnon @ Kusenin, N. (2018). Faktor-faktor penyumbang kecenderungan situasi berisiko tinggi dalam kalangan penagih dadah berulang di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 26-41.
- Idris, A., Shaffie, F., & Mariamdarani, S. D. (2020). Kesan Modul Intervensi Pendekatan Terapi Realiti Terhadap Perubahan Keyakinan Diri Berubah Dalam Kalangan Penagih Dadah. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 79.
- Izwa, M. (2021).
- Malaysia, A. A. (2021). [www.aadk.gov.my](https://www2.adk.gov.my/infografik-statistik-penyalah-guna-dan-penagih-dadah-serta-bahan-bagi-tahun-2021/). Retrieved from Agensi Anti Dadah Malaysia: <https://www2.adk.gov.my/infografik-statistik-penyalah-guna-dan-penagih-dadah-serta-bahan-bagi-tahun-2021/>
- Mat Said, M., Mohd Ali, P., Mohd Som, F., Mohd Daud, S., & Osman, N. (2021). FAKTOR FAKTOR YANG MEMPENGARUHIRELAPSORANG KENA PENGAWASAN (OKP)DALAM PENAGIHAN DADAH : KAJIAN KES DI FELDA KERATONG. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 37-47.
- Mokhtar, A. A., & Mohd Noor, M. (2021). Zikir dan Tafakkur Asas Psikoterapi Islam. *Jurnal Pengajian Islam, Kolej Universiti Sains Islam Antarabangsa*, 205.

- Purbawanti, W. U. (2018). Prodi Akidah dan Filsafat Islam. *Fakultas Ushuluddin dan Filsafat Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya*, 76-77.
- Salaeh, A., Syed Hassan, S., Mohd Amin, M., Saidin, M., Mohamed Yusoff, A., & Yahya, M. (2021). Terapi Penagihan Dadah Berasaskan Akidah. *Usim Research Repository*.
- Salaeh, A., Syed Hassan, S., Abdul Halim, A., Sempo, MW., Mohd Amin, MF., Zakaria, N., Mohd Said, W. (2020). Permasalahan Qada' dan Qadar yang disalahfahami berkaitan Covid 19
- Wazir, R., Usman, A. H., Mohd Saleh, N., Sudi, S., Awang, A., & Rosman, S. Z. (2020). Pencegahan Dadah Dalam Kalangan Belia Berisiko Melalui Elemen Penghayatan Akidah, al-Irsyad. *Journal of Islamic and Contemporary Issues, Faculty of Islamic Civilisation Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*, 417.